

19/11/1999

Ramai calon Wanita boleh diketengah

Wan Sabariah Shikh Ali

BEBERAPA hari selepas Perdana Menteri mengumumkan pembubaran Parlimen 10 November lalu, pejabat beberapa menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen kosong kerana kebanyakannya mengambil kesempatan dalam tempoh singkat sebelum penamaan calon untuk balik kawasan.

Meskipun kedudukan masing-masing sebagai Ahli Parlimen belum dapat dipastikan selagi senarai pencalonan tidak diumumkan, persediaan awal bagi memastikan kemenangan parti perlu dilaksanakan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Rafidah Aziz, berada di pejabatnya seperti biasa, ketika dihubungi, beberapa hari sebelum senarai calon diumumkan.

Ditanya mengenai kehadirannya di pejabat di saat-saat yang dianggap genting oleh ahli politik, Rafidah berkata, beliau berulang-alik ke Kuala Kangsar untuk memastikan kerja di kementerian tidak terbengkalai.

"Banyak kerja pentadbiran di kementerian perlu diselesaikan. Miti tidak seperti kementerian lain, kerja berterusan, jika tidak diselesaikan, fail bertimbunlah," katanya.

Rafidah adalah antara calon Wanita Barisan Nasional (BN) yang paling lama bertahan dengan rekod prestasi yang sukar dipersoalkan. Sejak memenangi pilihan raya umum pertamanya pada 1978 di kawasan Parlimen Selayang, Rafidah tidak pernah tewas di kawasan yang ditandinginya sejak 1982 - Kuala Kangsar, Perak.

Selain beliau, Datin Paduka Zaleha Ismail juga adalah calon veteran Wanita yang mempunyai rekod tanpa kalah dalam pilihan raya umum.

Sejak kedua-duanya mula bertanding pada 1978, pembahagian kerusi di kalangan parti komponen BN sudah banyak memberi ruang kepada calon Wanita. Pada 1995, BN menurunkan sekurang-kurangnya dua calon Wanita di semua negeri, kecuali Terengganu.

Dalam pilihan raya umum ke-10 ini, isu supaya bilangan kerusi untuk calon wanita ditambah sekali lagi diutarakan. Beberapa nama disebut-sebut mungkin digugurkan atau beralih tempat.

Tidak ramai ahli Wanita yang mahu memberi komen mengenai ura-ura ini, termasuk Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang lebih suka mengambil sikap tunggu dan lihat.

"Saya sendiri pun belum tahu lagi," katanya apabila diminta mengulas kedudukan kerusi Wanita. Menurutnya, sesiapa pun boleh membuat sebarang andaian tetapi terserah kepada Presiden parti untuk memutuskannya.

Sejak terbabit dengan kontroversi rombakan exco pergerakan itu yang kemudiannya ditarik balik selepas dinasihatkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ada cakap-cakap mengenai kedudukan beliau sendiri semakin rapuh.

Bagaimanapun, pemerhati politik menyatakan kemungkinan besar Zaharah akan kekal bertanding di Parlimen Paya Besar, Pahang dan kedudukan beliau hanya akan ditentukan dalam pemilihan Umno pada 2000.

Bagaimanapun, nasib seorang lagi menteri Kabinet, Zaleha, mungkin agak berbeza bagi memberi peluang kepada muka baru di Selangor. Satu lagi kawasan Parlimen yang dikatakan bakal menerima muka baru ialah Parlimen Tebrau sekiranya Siti Zainab Abu Bakar digugurkan. Keanggotaan beliau dalam Umno masih digantung sejak didapati terbabit dengan kes akaun pergerakan itu pada 1997.

Di peringkat dewan undangan negeri, beberapa calon Wanita yang sudah pun mencapai dua penggal termasuklah calon MCA, Datuk Teng Gaik Kwan (Raub) yang dikatakan tidak akan bertanding lagi, Datuk Dermataksiah Abdul Jalil

(Ampangan), Datuk Sabariah Ahmad (Jorak), Datin Atkah Abdullah (Seri Medan) dan Datin Paduka Rakibah Abdul Manap (Gombak Setia).

Kawasan `panas' dalam pilihan raya kali ini ialah Lembah Pantai yang diwakili Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Abdul Jalil. Pelbagai khabar berlegar termasuk kemungkinan tempat beliau digantikan calon lain manakala beliau sendiri beralih ke kawasan lain.

Menurut pemerhati, jika Shahrizat dikekalkan di Lembah Pantai, kemungkinan besar parti Keadilan akan meletakkan Presidennya, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail. Terbaru, Wan Azizah akan bertanding di kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Kedudukan BN di Lembah Pantai sering dikatakan tidak kukuh tetapi harus diingat bahawa pada 1995, ketika parti Semangat 46 menerima sokongan dari golongan ini, Shahrizat berjaya menewaskan tokoh berpengaruh, Tun Salleh Abbas.

Apabila dikemukakan persoalan perletakan calon wanita kepada Rafidah, seperti biasa, beliau lebih suka berterus-terang dalam membincangkan kewajaran kerusi untuk calon Wanita ditambah.

Malah, Rafidah berkata beliau ada mengemukakan satu senarai kepada Presiden parti berhubung calon yang dirasakannya layak.

"Ini adalah daya usaha saya sendiri berdasarkan pemerhatian dan pengalaman saya yang mengenali Wanita sekian lama," katanya.

Menurut Rafidah, beberapa muka baru dicadangkan kerana mungkin ada wakil rakyat Wanita yang akan mengundur diri kerana masalah kesihatan atau bagi memberi peluang kepada muka baru.

Katanya, sejak pilihan raya 1995, dapat disaksikan kemunculan satu kumpulan ahli politik wanita iaitu yang mempunyai kedua-dua kualiti iaitu boleh berhujah, petah dan juga kuat bekerja.

Sebelum ini, katanya, ada dua jenis wakil rakyat wanita iaitu ahli politik wanita yang boleh berhujah dan mengetengahkan isu, manakala satu kumpulan lagi ialah yang tidak begitu petah tetapi boleh bekerja di kawasanya dan di peringkat akar umbi.

"Mereka ini mungkin tidak berhujah dalam Dewan Undangan Negeri atau di Dewan Rakyat, tetapi kuat bekerja di belakang tabir," katanya.

Jangkaan masyarakat terhadap ahli politik wanita sekarang, tegas beliau, ialah seseorang yang mampu mengambil bahagian dalam perdebatan di dewan sama ada mengenai belanjawan, rang undang-undang dan pada masa yang sama boleh turun padang.

Rafidah berkata, kumpulan ketiga ini semakin ramai dan layak diletakkan sebagai calon. Bagaimanapun, katanya, hakikat bahawa sukar untuk "berebut" kerusi harus diakui kerana persaingan adalah dengan Pemuda dan juga Umno dewasa. "Tempatnya sedikit. Ini bukan saja dialami oleh Umno, malah MCA dan MIC juga," katanya.

Kerana itu, kata Rafidah, sebelum ini pun Wanita memahami apabila negeri seperti Terengganu, memilih untuk tidak mencalonkan wanita dalam pilihan raya umum.

(END)